

Empower ECER-MEKAR tawar kursus latihan percuma

Berita Harian
Rabu / 2.6.21
M/S 25

Lipis: Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC) melalui UMP Advanced Education menyediakan platform untuk mempertingkatkan pertumbuhan sosioekonomi masyarakat setempat.

ia dilaksanakan menerusi program Empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Memampakan Ekonomi Asas Rakyat (Empower ECER-MEKAR).

Program yang mendapat tajaan daripada Yayasan PETRONAS itu adalah satu inisiatif penting dalam merapatkan jurang ekonomi antara masyarakat luar bandar dan bandar melalui kemahiran vokasional serta keusahawanan yang disediakan kepada peserta.

Selaras dengan usaha itu, aktiviti mempromosi kursus kemahiran dan latihan teknikal yang ditawarkan oleh Empower ECER-MEKAR diteruskan bagi pengambilan peserta baharu.

Baru-baru ini, 11 penghulu mukim mendapat pendedahan

dan maklumat mengenai pelaksanaan program berkenaan yang bakal membabitkan penduduk daerah Lipis.

Antara kemahiran dan latihan yang diperkenalkan termasuklah seni bakeri dan pastri artisan, dandan dan gunting rambut, terapi kesihatan dan kecantikan selepas bersalin, teknologi makanan sejuk beku dan kering.

Selain itu, terdapat juga kursus teknologi jahitan kreatif, fertisasi cili dan sayuran, baik pulih penyaman udara, mesin basuh dan peti ais, pendawaian elektrik dan perpaipan dan pemasangan perancah (scaffolding).

Program berkenaan ditawarkan secara percuma kepada komuniti setempat, khususnya golongan B40, ibu tunggal, suri rumah, bella menganggur dan individu yang tidak berpendapatan tetap serta terbuka kepada semua tanpa mengira bangsa, jantina dan usia.

Peserta yang mendaftar, ba-



Program Empower ECER-MEKAR mendapat tajaan daripada Yayasan PETRONAS. (Foto UMP Advanced Education)

kal mengikuti kursus dipilih selama dua tahun sambil dipantau rapat oleh pihak ECERDC.

Pengarah Projek Empower ECER, Prof Madya Dr Abdul Aziz Mohd Azoddein, berkata pihak penganjur akan turut memberi pendedahan mengenai strategi dan kaedah pemasaran untuk melahirkan usahawan berjaya dengan perniagaan yang kukuh.

Katanya, melalui kemahiran diperolehi daripada latihan vokasional disediakan, peserta boleh memilih sama ada ingin menceburi bidang pekerjaan atau menjadi usahawan apabila tamat kursus.

"Peserta digalakkan memilih bidang kemahiran yang diminati mengikut kecenderungan ma-

sing-masing. Program ini akan melahirkan pekerja mahir, sekali gus dapat memenuhi kehendak dan keperluan industri.

"Mereka juga akan memiliki prospek pekerjaan yang lebih luas serta diberi jaminan kelangsungan kehidupan pada masa akan datang," katanya.

Selain menjalinkan kerjasama antara kakitangan warga kerja Empower ECER-MEKAR dan semua penghulu, Abdul Aziz berharap penghulu mukim dapat menyampaikan manfaat program kepada penduduk sekitar.

Beliau berkata demikian pada majlis Taklimat Pelaksanaan Program Empower ECER-MEKAR.

Yang turut hadir, Ekseku-

tif Perhubungan PETRONAS, Wan Ismail Hussin; Pegawai Hal Ehwal Islam Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) cawangan Lipis, Aliuddin Abdul Halim@Bakar dan Pegawai Lapangan ECER Lipis, Jafni Aizat Mohd Mohd Emran.

Majlis berkenaan turut disusuli dengan sesi temu duga terbuka kepada calon peserta asnaf MUIP di sekitar daerah Lipis. ECERDC adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk menerajui pelaksanaan Pelan Tindakan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) merangkumi Pahang, Kelantan, Terengganu dan daerah Mersing di Johor.